

Hadiah bahan bacaan perelok adab kanak-kanak

BERITA

HAKIATAN

21/8/17

Kuala Lumpur: Budaya memberi buku dapat merawat 'barah' pemberian wang tunai semasa Aidilfitri, yang dilihat menyebabkan anak-anak menjadi kurang tatatulisila dan adab.

Tokoh Aktivis Masyarakat Negeri Selangor Maal Hijrah 1438H, Mohd Zaimuddin Abu Bakar, berkata, budaya duit raya awalnya bagus apabila untuk menceria-kan anak kecil sempena Syawal.

Bagaimanapun, selepas sekian lama katanya, budaya itu dilihat menyebabkan kelunturan tatatulisila dan adab hingga ada yang berani meminta sekiranya tidak

mendapat duit raya.

"Ada juga yang mengira jumlah diperolehi sehingga tradisi pemberian duit raya tercemar," katanya.

Tak bebankan pemberi

Mohd Zaimuddin yang juga pendakwah bebas berkata, pemberian buku pada musim perayaan perlu dijadikan budaya sekiranya tidak membebankan pemberi.

Lebih menarik katanya, jika amalan duit raya disertakan dengan pemberian buku.

"Sesiapa yang selesai membaca buku, boleh mengulasnya dan ke-

mudian diberi duit raya. Ini sesuai dimulakan dengan anak dan saudara terdekat dahulu.

"Ia juga akan mencapai matlamat pemberiannya, iaitu membolehkan pembaca mendapat manfaat.

"Saya sendiri, sejak enam tahun lalu, turut memberi buku sebagai tambahan buat anak dan golongan dewasa. Setiap tahun kira-kira 50 hingga 70 naskhah diberikan," katanya.

Beliau berkata, pemberian buku juga dapat membantu mengurangkan gejala 'tenggelam' dalam dunia gajet.

"Ia menggalakkan komunikasi antara pemberi dan penerima. Bagi mereka bersekolah rendah, saya sarankan diberikan buku cerita teladan yang nipis berharga sekitar RM2 ke RM3.

"Bagi dewasa, lebih baik diberikan buku bersesuaian misal nya panduan ibadah atau solat sunat yang ringkas.

"Kebiasaannya apabila memperoleh buku, ia akan terus dibuka dan daripada situ keluarlah soalan rutin berkaitan amalan ibadah yang secara tidak langsung 'membuka' majlis perkongsian ilmu sesama kita," katanya.



Mohd Zaimuddin Abu Bakar